

Sekolah PERMATA Insan siap dua tahun lagi

Jugra: Program Permata Negara (PERMATA) bercadang membina sebuah sekolah menengah berasrama penuh bagi menampung keperluan murid yang menyertai program PERMATA Insan.

Sekolah itu akan dibina di kampus Universiti Sains Islam Malaysia (USIM) di Nilai dan dijangka siap dua tahun lagi.

Penaung PERMATA, Datin Seri Rosmah Mansor, berkata Unit Perancang Ekonomi Jabatan Perdana Menteri sudah meluluskan pembinaan sekolah itu.

Tampung 250 pelajar

“Kita sedang menyiapkan reka bentuk sekolah yang mampu menampung 250 pelajar bagi memastikan peserta program PERMATA Insan dapat menyambung pengajian di peringkat menengah.

“Ia memastikan mereka dapat meneruskan pembelajaran yang holistik dan berterusan,” katanya.

Beliau berkata demikian ketika lawatan kerja ke perkhe-



Rosmah melihat peserta program PERMATA Insan **membuat demonstrasi robotik** di Banting, semalam. [FOTO OSMAN ADNAN/BH]

mahan PERMATA Insan Siri 2 2012 di Sekolah Menengah Sains Banting di sini, semalam.

Turut hadir Pengerusi Lembaga Pengarah USIM, Profesor Emeritus Tan Sri Dr Abdul Shu-

kor Hisin; Naib Canselor USIM, Profesor Muhamad Muda dan Pengarah Akademi PERMATA Insan, Profesor Datuk Mizan Adiliah Ahmad Ibrahim.

Ketika ini, 127 murid berusia

lapan hingga 10 tahun menyertai program PERMATA Insan dengan 48 daripada mereka berada pada tahap lima, tahap tiga (32), manakala baki 47 murid baru berusia lapan tahun.